

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
21 DISEMBER 2020

1. PERTUKARAN PENGARAH JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) MBSP

MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Sazila Binti Muhamad, Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) yang akan bertukar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Georgetown, Pulau Pinang berkuatkuasa 4 Januari 2021. Beliau telah berkhidmat selama satu (1) tahun empat (4) bulan di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Semoga beliau terus berkhidmat dengan cemerlang di agensi baharu.

2. PENCAPAIAN UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) TAHUN 2020

Dimaklumkan sepanjang tahun 2020 sehingga 17 Disember 2020, Unit Pusat Setempat (OSC) MBSP telah menerima sebanyak 890 permohonan pemajuan dengan pencapaian 89.9%. OSC berjaya mengadakan mesyuarat Jawatankuasa OSC sebanyak 24 kali iaitu 2 (dua) kali sebulan sepanjang tahun 2020.

OSC MBSP selaku OSC perintis telah menggunakan Sistem OSC 3.0 Plus Online dengan sepenuhnya sejak 1 Jun 2020 dan telah menerima 675 permohonan melalui sistem ini. Dengan pelaksanaan Sistem OSC 3.0 Plus Online, OSC berjaya mengurangkan jumlah hari pemprosesan Pelan Kebenaran Merancang kepada 71 hari daripada 108 hari.

Sebanyak 20 permohonan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) telah diberi C1 segera oleh Jawantankuasa OSC sepanjang tahun 2020. OSC telah menerima semua jenis permohonan dan pembayaran secara online pada tahun 2020.

3. PEMATUHAN DI PASAR AWAM / KOMPLEKS MAKANAN / PREMIS PERNIAGAAN

MBSP telah melaksanakan pemantauan ke atas 721,021 buah premis sejak PKP dilaksanakan mulai 18 Mac 2020. Sehingga 16 Disember 2020, purata pematuhan adalah sebanyak 716,447 premis atau 99.37% dan purata tidak patuh adalah sebanyak 4,574 premis atau 0.63%.

4. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2021

Dimaklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi **Penggal Pertama Tahun 2021** telah mula dihantar kepada pemilik premis di seluruh Seberang Perai secara berperingkat mulai **1 Disember 2020** melalui e-mel, sms atau secara pos. Pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **28 Februari 2021**.

Selari dengan pelaksanaan *Norma Baharu Kaedah Bayaran Cukai Taksiran*, MBSP menggalakkan supaya pemilik premis menyemak dan membuat bayaran secara atas talian melalui kaedah-kaedah yang telah disediakan seperti berikut:

1. Semak & bayar melalui laman web MBSP iaitu
<https://www.mbsp.gov.my> (Perkhidmatan Dalam Talian)
2. Terus ke Payment Gateway MBSP iaitu
<https://mbsppay.mbsp.gov.my>
3. Perbankan internet seperti Maybank2u, CIMB Click dan sebagainya.
(Rujuk senarai saluran pembayaran cukai taksiran di laman web MBSP)
4. JomPay dengan menggunakan Biller Code: 5322
5. Portal ebayar Penang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>
6. eWallet Boost
7. PBTPay KPKT

Pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat di Kiosk Paylink seluruh Malaysia, agen-agen sah yang telah dilantik serta di semua kaunter MBSP.

Bagi melayakkan diri untuk cabutan bertuah Promosi Cukai Taksiran Tahun 2021 dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai bernilai RM10,000, pemilik premis dikehendaki membuat bayaran cukai taksiran setahun berserta tunggakan (jika ada) melalui kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau secara dalam talian (online). **TIDAK LAYAK** bagi pembayaran dikaunter MBSP termasuk kaunter cawangan.

Untuk **SOP** lengkap berkaitan kaedah pembayaran cukai taksiran, sila ikuti tiga (3) langkah-langkah berikut:-

1. Layari laman web MBSP dan pilih **Cyber Counter**
2. Pilih **Cukai Taksiran** dan kemudian klik **SOP** di menu **Bayaran Cukai Taksiran MBSP Dan Cukai Tanah MBSP.**
3. Infografik akan dipaparkan.

Sila hubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda.

5. PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PERKHIDMATAN RAWATAN DI KLINIK PANEL MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) KEPADA AHLI MAJLIS DAN KAKITANGAN MBSP

Kemudahan ini diberikan kepada Ahli Majlis dan kakitangan (tetap dan kontrak) MBSP serta isteri (isteri-isteri) atau suami yang sah. Selain daripada itu, anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun atau 21 tahun (jika masih belajar) adalah termasuk dalam kemudahan ini. Kemudahan ini juga turut dipanjangkan kepada ibu bapa Ahli Majlis dan kakitangan.

Rawatan yang ditanggung oleh MBSP sebelum ini hanya rawatan biasa (seperti demam, batuk, selsema), ubat, suntikan biasa dan bayaran perundingan sahaja. Walau bagaimanapun, rawatan pakar, imunisasi, pemeriksaan ibu mengandung, sakit puas, hemodialisis, darah tinggi, kencing manis, bekalan vitamin, rawatan kolestrol, bekalan inhaler, x-ray, rawatan pakar dan rawatan khusus lain adalah tidak termasuk dalam perkhidmatan rawatan klinik panel MBSP.

Berkuat kuasa pada 1 Januari 2021, **semua kemudahan perkhidmatan rawatan** yang disediakan di semua Klinik Panel MBSP dapat diberikan kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP (**bertaraf tetap dan kontrak**).

6. SAMBUTAN HARI NATAL

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2020 (Jumaat) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum dan

sentiasa amalkan Standard Operating Procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

SEKIAN, TERIMA KASIH.